

Penyatuan ekonomi ASEAN berliku, masih sukar dicapai *utusan 2/6*

FOKUS BERITA

Oleh **FADZIL ZAINOL**

ekonomi@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 5 Jun - Sebaik sahaja berakhirnya Forum Ekonomi Dunia (WEF) 2016 peringkat ASEAN yang berlangsung di sini minggu lalu, boleh dikatakan impian untuk menyatukan ekonomi ASEAN sukar dicapai.

Ia digambarkan apabila pemimpin kerajaan dan penganalisis yang menyertai forum itu nampaknya mula kurang yakin dan tanpa selindung lagi menekankan kepayahan yang bakal ditempuhi rantau ini bagi membentuk satu komuniti ekonomi.

Antara alasannya, rantau ini didominasi oleh kuasa ekonomi seperti Malaysia dan Singapura. Kemajuan dua negara ini mewujudkan perasaan kurang senang kepada negara-negara lain.

Melalui Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC), rantau ini mahu mewujudkan perdagangan dengan lebih



PARA tetamu dan peserta Forum Ekonomi Dunia (WEF) 2016 peringkat ASEAN yang hadir mendengar ucapnama Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak di Kuala Lumpur, baru-baru ini. - UTUSAN/MD.SHAHJEHAN MAAMIN

terbuka melalui penghapusan tarif cukai, kebebasan pasaran kerja dan pergerakan modal sesama negara anggota.

Namun Perdana Menteri Kemboja, Hun Sen dan Naib Presiden Indonesia, Jusuf Kalla menyalahkan perbezaan tahap ekonomi di kalangan negara-negara anggota sebagai halangan utama kepada kejayaan AEC.

Turut diperkatakan, setiap anggota ASEAN mempunyai struktur ekonomi yang sama dan terpaksa bersaing sesama sendiri untuk merebut pelaburan langsung asing (FDI).

Negara-negara ASEAN perlu

mengatasi sesama sendiri untuk meningkatkan eksport masing-masing sehingga terpaksa menurunkan harga produk demi menarik minat pembeli.

Ini belum lagi mengambil kira kesempatan yang boleh digunakan oleh syarikat-syarikat Barat untuk memindahkan kilang dan operasi mereka dari satu negara ke negara ASEAN yang lain untuk mengeksploitasi sumber bahan mentah dan buruh yang murah.

Apa yang dilontarkan sepanjang WEF minggu lalu nampaknya menghancurkan detik-detik manis

yang dikumpul sepanjang 2015 sewaktu Malaysia menjadi Pengerusi ASEAN.

Tahun lalu pada Sidang Kemuncak ASEAN yang dianjurkan Malaysia, terpancar juga keyakinan di kalangan setiap pemimpin-pemimpin ASEAN bahawa AEC mudah dicapai secara terbuka dan kompetitif.

Masih ada peserta forum yang yakin ASEAN bakal merealisasikan penyatuan ekonomi, namun ulasan diberikan tidak meyakinkan dan tidak menggambarkan situasi sebenar memberi gambaran sebenar apa yang berlaku di rantau ini.

Tiada jawapan diberi apabila isu dasar perlindungan industri tempatan dan penghapusan tarif perdagangan bukan berbentuk tarif dibangkitkan.

Ada juga yang mempersoalkan komitmen Malaysia, Singapura, Brunei dan Vietnam terhadap AEC, setelah empat negara ini menandatangani Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA).

Idea dan pandangan yang dilontarkan pada WEF minggu lalu telah memberi isyarat masih banyak perkara perlu dilakukan atau tiada apa yang dicapai secara konkrit untuk menyatukan pasaran ASEAN.